

Kajian tindakan pendekatan PRODTAS (Psikologi Islam dan Penggunaan Website Pendidikan) dalam meningkatkan kecemerlangan disiplin dan akademik pelajar

Asma' Binti Ahmad

SMK Arau, Perlis, Malaysia | ✉ cikgukaunseling4all@gmail.com

Abstract

Kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji sejauh mana Pendekatan Psikologi Dan Blog Pendidikan Dalam Membantu Pelajar Yang Lemah Bahasa Melayu Dan Sejarah digunakan sebagai pendekatan tambahan untuk membantu kejayaan pelajar. Pengumpulan maklumat pelajar yang lemah Bahasa Melayu Dan Sejarah diperolehi dari GPK Kurikulum dengan kerjasama Setiausaha Peperiksaan SPM dan guru intervensi. Peserta kajian adalah 5 orang pelajar Tingkatan 5 dari sekolah menengah di Kuantan yang mengalami masalah gagal dalam matapelajaran wajib lulus SPM (Bahasa Melayu dan Sejarah). Hasil kajian menunjukkan pelajar yang gagal dalam matapelajaran wajib lulus SPM boleh lulus SPM dengan menggunakan gabungan kaedah psikologi, blog pendidikan, Pemantapan Emosi, Sakhshiah dan Jatidiri serta pendidikan agama melalui Penguasaan Fardhu Ain dan Tahsin Solat untuk membantu murid tersebut.

Keywords: Pendekatan PRODTAS.

How to Cite: Asma' Binti Ahmad 1 (2017). Kajian Pendekatan PRODTAS (Psikologi Islam dan Kajian Penggunaan Website Pendidikan). In Ifdil & Krishnawati Naniek (Eds.), *International Conference: 1st ASEAN School Counselor Conference on Innovation and Creativity in Counseling* (pp. 143-150). Yogyakarta: IBKS Publishing.

© 2017. This is an open access article distributed under the Creative Commons Attribution License, which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang amat mementingkan pendidikan dalam kalangan rakyatnya. Seperti yang telah terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) itu sendiri yang amat menekankan sistem pendidikan yang sempurna terhadap pelajar-pelajar masa kini.

Salah satu pernyataan tersebut adalah berkaitan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Hal ini bermaksud, pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik sahaja tetapi juga mampu melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah.

Pendidikan merupakan salah satu komponen yang menjadi perhatian utama semua pihak bagi melahirkan generasi muda yang berilmu dan cemerlang dalam semua aspek yang diceburi oleh mereka.

Kini, Bahasa Melayu dan Sejarah merupakan mata pelajaran yang wajib lulus dalam sistem sijil terbuka Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini bermakna, seseorang calon wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah bagi membolehkan mereka layak mendapat sijil. Bagaimanapun terdapat pelajar yang gagal dalam kedua-dua mata pelajaran ini. Terdapat pelbagai factor yang mendorong kegagalan pelajar.

Cabaran menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran sekolah. Antaranya ialah masalah peribadi (sama ada social, psikologi atau emosi), yang menarik pelajar daripada memberi tumpuan kepada pelajaran mereka. Erikson (1950) dan Mohamed Hatta Shahrarom (2003) menyatakan cabaran utama yang perlu ditangani oleh remaja ialah antara kekeliruan peranan dan identity dalam diri mereka.

Latar Belakang Kajian

Kajian kes ini dijalankan semasa bertugas di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kuantan. Terdapat segelintir pelajar di sekolah berkenaan gagal dalam Bahasa Melayu dan Sejarah.

Setelah berbincang dengan pihak pentadbiran sekolah, guru intervensi, Setiausaha Peperiksaan SPM, guru-guru yang mengajar matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah, saya mengambil inisiatif mengambil 5 orang calon SPM sebagai kajian tindakan saya.

Isu yang paling membimbangkan saya sebagai guru bimbingan kaunseling berkaitan permasalahan pelajar yang lemah dalam kedua-dua matapelajaran wajib lulus ini adalah permasalahan sikap dan motivasi pelajar yang rendah untuk berjaya.

Didapati kelompok pelajar sebegini mempunyai kadar motivasi belajar dan pemantapan jati diri yang rendah. Tambahan pula, ia juga sering dikaitkan dengan sikap pelajar yang culas dalam melaksanakan tugas sekolah yang diberikan oleh guru.

Begitu juga mereka culas dalam melaksanakan ibadah solat dengan sempurna. Selain dapatan mendapati terdapat 2 responden yang kerap ponteng sekolah. Sedangkan kehadiran ke kelas dan ke sekolah adalah penting bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran ini berlaku dengan baik.

Menurut Reinhartz dan Beach, 1998; Wiles dan Bondi, (1998) menyatakan bahawa penumpuan di dalam kelas amat penting kerana sekiranya pelajar memberi tumpuan semasa aktiviti P&P, maka seseorang pelajar itu dapat meningkatkan kecerdasan minda pelajar agar pelajar dapat menyesuaikan diri, mencapai kejayaan dalam kehidupan serta bersedia untuk berada dalam masyarakat masa hadapan yang kian mencabar pada masa kini.

Sebagai guru bimbingan kaunseling, saya perlu bertindak bagi mengurangkan masalah pelajar yang lemah kedua-dua matapelajaran ini. Oleh itu, saya telah menjalankan kajian tindakan untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk lulus SPM melalui program PRODTAS.

Program ini singkatan kepada akronim Program Pelajar Berfokus Pemulihan Bahasa Melayu, Pengukuhan Takhsin Solat Dan Pemantapan Jati Diri Pelajar melalui Pendekatan Psikologi mengikut Teknik Nabi Muhammad SAW. Selain itu, website berasaskan blog pendidikan turut dibangunkan dalam membantu pelajar yang lemah Bahasa Melayu dan Sejarah.

Fokus Kajian

Kajian tindakan ini dibuat adalah untuk menangani permasalahan pelajar yang pelajar yang gagal Bahasa Melayu dan Sejarah. Melalui kajian ini didapati mereka mempunyai kadar motivasi belajar dan pemantapan jati diri yang rendah.

Melalui sesi kaunseling bersama 5 responden, saya mendapati terdapat ada 2 orang pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah kerana masalah keluarga. Manakala seorang lagi kerap ponteng sekolah kerana mengikut kawan ponteng. Dua orang pelajar pula kerap datang lewat ke sekolah kerana bekerja di gerai makan. Faktor-faktor ini mendorong kepada kegagalan 2 matapelajaran wajib lulus SPM.

Matlamat utama kajian ini adalah bertujuan supaya pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi untuk belajar bersungguh-sungguh dan mempunyai sikap untuk menghargai masa muda mereka. Secara tidak langsung, para pelajar ini akan mempunyai sikap disiplin yang tinggi untuk mengikuti peraturan sekolah dan tidak akan ketinggalan waktu pengajaran dan pengajaran di dalam kelas.

Menyedari isu ini di sekolah tersebut, saya merasa terpacu untuk melakukan kajian tindakan bagi membantu pelajar yang gagal dalam Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 mereka demi masa depan mereka yang lebih baik.

Objektif Kajian

Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan motivasi pelajar yang lemah mata pelajaran wajib lulus supaya dapat meningkatkan motivasi diri, menguruskan masalah mereka dengan baik, menghargai masa dan tidak melanggar salah laku disiplin yang menyebabkan tumpuan kepada pelajaran terjejas.

Objektif Khusus

1. Memantapkan serta memperkukuhkan lagi motivasi pelajar agar mendapat keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Meningkatkan kuantiti pelajar lulus BM ke tahap yang lebih tinggi dengan mengadakan pertemuan berkala dengan Guru Bimbingan Kaunseling.
3. Memberi motivasi-motivasi dan beberapa kemahiran 'Belajar Cara Belajar' Pengurusan Masa, Kemahiran Menghadapi Peperiksaan, Kemahiran Menghadapi Tekanan, dan seumpamanya.
4. Pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran.
5. Membimbing pelajar dapat melaksanakan solat dengan baik melalui Aktiviti Pengukuhan Takhsin Solat.
6. Melatih murid memperoleh maklumat tambahan di luar waktu sekolah.
7. Membangunkan web <http://prodtas.blogspot.com/>

Kumpulan Sasaran

Kajian Tindakan yang dijalankan ini adalah melibatkan 5 orang pelajar yang lemah dan mendapat markah di bawah paras lulus untuk matapelajaran pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Responden kajian ini terdiri daripada 5 orang pelajar lelaki yang terdiri daripada pelajar tingkatan 5. Responden ini juga, terdiri daripada bangsa 4 responden Melayu, dan seorang responden India.

Pelaksanaan Kajian

Tarikh

Februari hingga Ogos 2013

Tempat

Bilik Bimbingan dan Kaunseling dan makmal Komputer sekolah.

Analisis Tinjauan Masalah

Saya telah membuat tinjauan masalah berdasarkan pemerhatian dan soal selidik. Data-data pelajar yang lemah matapelajaran pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah di ambil dari keputusan Akhir Tahun Tingkatan 4.

Berdasarkan dapatan saya, kesemua responden mempunyai capaian internet di rumah masing-masing melalui Perkhidmatan Kampung Tanpa Wayar. Mereka juga mempunyai notebook 1 Malaysia dan ini memudahkan responden melayari website blog pendidikan.

Tindakan Yang Dijalankan

Tindakan yang dijalankan dalam melancarkan kajian ini adalah dengan mengambil langkah yang pertama dengan langkah-langkah berikut:

1. Perbincangan dengan GPK.
2. Guru kaunseling menyiapkan kertas cadangan program.
3. Guru kaunseling mendapatkan data-data pelajar yang tidak lulus Bahasa Melayu dan Sejarah.
4. Guru Kaunseling mendapatkan data-data jadual waktu kelas yang berkaitan.
5. Dilaksanakan semasa matapelajaran kajian tempatan semasa waktu persekolahan . Sebanyak 2 kali pertemuan dalam sebulan.
6. Guru kaunseling (Personalia) menjalankan program.
7. Guru kaunseling memantau perjalanan program.
8. Guru kaunseling (Personalia) membuat post mortem pada hujung tahun selepas Peperiksaan Percubaan SPM.

Pelaksanaan Tindakan Dan Hasilnya (Pemerhatian dan Penilaian)

Tindakan Pertama

Data diperolehi daripada GPK Pentadbiran dan Setiausaha Peperiksaan.

Tindakan Kedua

Menyediakan soal selidik punca utama kekerapan ponteng sekolah :

BIL	ISU	BILANGAN
1	Masalah suka tidur lewat	1
2	Masalah keluarga	1
3	Masalah kewangan	3
4	Pengaruh kawan untuk pergi ke tempat lain	1
5	Bosan/ tidak minat belajar	0
6	Masalah dengan guru	0
7	Masalah pelajaran : tidak faham / tidak siap kerja sekolah	0
8	Masalah dengan kawan	0
9	Masalah pengangkutan	0
10	Hal – hal lain : Sila nyatakan	0

Graf 1: Analisa punca utama kekerapan ponteng sekolah oleh klien.

Dari analisis soal selidik, didapati masalah kewangan , diikuti dengan faktor pengaruh kawan untuk pergi ke tempat lain sewaktu hari bersekolah diikuti dengan faktor masalah keluarga dan

Masalah suka tidur lewat merupakan faktor utama pelajar-pelajar ini tidak ke sekolah. Tindakan selanjutnya ialah sesi kaunseling yang dijalankan secara berkala. Kaedah pemerhatian, temubual dan sesi kaunseling dengan pelajar.

Tindakan Ketiga

Menjalankan aktiviti Hati Ke Hati

Mengadakan sesi kaunseling kepada pelajar dan mengenal pasti faktor yang lebih menarik mereka untuk tidak ke sekolah. Saya ingin mengetahui pola punca kegagalan mereka. Setiap pelajar yang lemah matapelajaran pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah didapati mempunyai pelbagai alasan faktor kegagalan dalam matapelajaran pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

Terdapat juga seorang responden yang gagal dalam Bahasa Melayu pada peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 kerana kerap tidak hadir ke sekolah. Klien ini merupakan anak yatim yang selalu tidak hadir ke sekolah kerana menjaga neneknya yang uzur.

Manakala seorang responden pula yang gagal Bahasa Melayu pada peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan 4 juga kerap tidak hadir ke sekolah. Klien merupakan anak yatim dan terpaksa bekerja di ladang atau mengambil upah kerja kampung bagi menyara persekolahannya.

Tindakan Keempat

Bagi pelajar-pelajar yang kerap tidak hadir ke sekolah, lawatan ke rumah telah saya jalankan. Lawatan ini bagi membuat kunjung mesra melihat kehidupan sebenar pelajar. Saya biasanya pergi bersama bantuan AJK PIBG sekolah yang tinggal di penempatan pelajar berkenaan.

Kadang-kala Staf FELDA bahagian Biro Pendidikan akan turun bersama-sama saya ke rumah pelajar berkenaan. Saya memohon bantuan kewangan untuk disalurkan kepada 2 responden anak yatim. Bantuan diberikan oleh PIBG sekolah, derma daripada barisan guru-guru dan pengurusan FELDA. Bahkan oleh ADUN setempat. Selain itu, saya memantau responden melalui Program Anak Yatim Permata Hati. Program Anak Yatim Permata Hati ini mendapat bantuan sepenuhnya daripada Tengku Mahkota Pahang, selaku penaung. Begitu juga Yayasan Pahang.

Tindakan Kelima

Guru kaunseling (Personalia) menjalankan program seperti berikut:

Methodologi Program

Program Pemantapan Emosi, Saksiah dan Jatidiri

1. Islamic Creative Art Therapy
2. Kemahiran Asertif Diri (Peneguhan Kendiri)
3. Kemahiran Belajar
4. Kemahiran Nota minda
5. Pendidikan Seks
6. Kemahiran Pengurusan Masa

Program Pemulihan Kemahiran Bahasa Melayu

1. Berdasarkan Modul PROBIM (MGKK Maran - Encik Burhauddin Bin Haji Hasan, Guru Bimbingan Kaunseling SMK Jengka Pusat 2, Maran, Pahang Darul Makmur yang diberi inovasi baru.
2. Aktiviti pengayaan sumber melalui persembahan multimedia website berasaskan blog.
3. Mendapat Khidmat nasihat Pensyarah ICT Kolej Matrikulasi Kedah, Changloon , Kedah Darul Aman untuk membina website.

Program Penguasaan Fardhu Ain dan Tahsin Solat

1. Kemahiran Asas Bersuci
2. Tahsin Solat

Refleksi Kajian

Selepas peperiksaan Percubaan SPM, 2 pelajar dari 5 pelajar gagal dalam Bahasa Melayu dan Sejarah. Namun setelah keputusan SPM sebenar diumumkan, statistik pelajar yang gagal hanya seorang daripada 5 orang responden.

Ini bermakna Program Pelajar Berfokus Pemantapan Jati Diri Pelajar, Pemulihan Bahasa Melayu, dan Pengukuhan Takhsin Solat Pelajar melalui Pendekatan Psikologi dan Web blog pendidikan Alhamdulillah telah berjaya mencapai objektif kajian.

Kaedah ini telah menyedarkan pelajar tentang tanggungjawab mereka sebagai seorang pelajar dan menimbulkan kesedaran kepada diri pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh.

Penilaian

Bagi menilai keberkesanan program ini data kehadiran kumpulan murid-murid sasaran telah dibuat rumusan. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan ponteng sekolah sebelum dan selepas kajian. Analisa kekerapan ponteng sekolah oleh klien:

BIL	BULAN	BILANGAN HARI PELAJAR PONTENG				
		KK01	KK02	KK03	KK04	KK05
1	FEBRUARI	7 Hari	6 hari	5 hari	8 hari	3 hari
2.	MAC	5 Hari	5 hari	4 hari	7 hari	2 hari
3.	APRIL	3 hari	3 hari	2 hari	3 hari	1 hari
4.	MEI	0 hari	1 hari	1 hari	2 hari	0 hari
5.	JUN	1 hari	0 hari	0 hari	2 hari	0 hari
6.	JULAI	0 hari	0 hari	1 hari	2 hari	0 hari
7.	OGOS	0 hari	0 hari	0 hari	2 hari	0 hari

Graf 2: Jadual di atas menunjukkan perbandingan ponteng sekolah sebelum dan selepas kajian.

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan tahap kelulusan matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah sebelum dan selepas kajian.

Ting	Mata pelajaran	Bilangan pelajar yang gagal (sebelum kajian)	Peratus	Bilangan pelajar lulus (selepas kajian)	Peratus
5	BM	5	100	5	100
5	SEJ	5	100	4	80

Graf 3: Seramai 4 orang atau 80 % telah menunjukkan kelulusan dalam mata pelajaran Sejarah Dan Bahasa Melayu dalam SPM.

Berdasarkan pemerhatian dan temubual dengan pelajar-pelajar tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa mereka sebenarnya telah menginsafi kesilapan mereka. Contohnya, sikap malas menyiapkan tugas yang guru berikan, dan tidak menumpukan perhatian dalam pengajaran pembelajaran di sekolah.

Saya mendapati bahawa pelajar-pelajar tersebut mempunyai rasa bersalah, menginsafi kesalahan mereka dan mempunyai kesedaran tentang kepentingan memberikan tumpuan dalam proses pengajaran pembelajaran di sekolah.

Refleksi

Setelah kajian ini selesai di jalankan, saya bersyukur kerana kumpulan sasaran kajian tindakan saya telah menunjukkan perubahan sikap positif. Begitu juga pencapaian 100% lulus dalam Bahasa Melayu dan 80% lulus dalam Sejarah di Peringkat SPM. Namun langkah-langkah penambahbaikan perlu diberi penekanan agar kajian ini lebih memperlihatkan keberhasilannya.

Cadangan Kajian Seterusnya

Hasil daripada kajian yang telah diperolehi, beberapa cadangan yang boleh diberikan bagi membantu pihak sekolah yang berminat untuk mengurangkan pelajar yang datang lewat. Diharapkan cadangan yang diberikan dapat membantu dalam memperolehi maklumat yang berguna dalam menangani masalah pelajar yang hadir lewat.

1. Mengguna pakai Teknik "Belaian Psikologi" untuk memastikan pelajar datang awal ke sekolah dan mempunyai semangat tinggi untuk belajar. Ini termasuklah di kalangan guru-guru.
2. Mewujudkan program-program yang lebih meningkatkan kesedaran pelajar seperti Motivasi Pembangunan Diri.
3. Menyediakan hadiah untuk pelajar yang menunjukkan peningkatan prestasi akademik walaupun berada di kelas hujung.
4. Mengeratkan hubungan PIBG dengan pihak sekolah untuk sama-sama memantau disiplin pelajar.

References

Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Azizah Abdullah (2016). *Nota-nota Creative Art Therapy*.

- Ee Ah Meng. (1997). *Pedagogi Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah (Semester II):Siri Diploma Perguruan*. Selangor Darul Ehsan:Percetakan Polygrafic (M) Sdn. Bhd
- Mohamed Hatta Shaharom. (2004). *Psikologi & Kaunseling Remaja:Panduan Remaja Membimbing Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: PRIN-AD Sdn. Bhd..
- Siti Taniza Toha, Norazlena Awang, Normi Hanim Abdul Majid dan Salmiah Hasan (2014) *Modul Pengurusan Terapi Seni Kreatif Edisi Organisasi*. Putrajaya: Bahagian Psikologi dan Kaunseling KPM.
- Sufean Hussin dan che Zainon Omar. (2002). *Masalah Remaja Daripada Keluarga Ibu Tunggal:Siri Laporan Kajian Masyarakat*. Kuala Lumpur:Tinggi Press Sdn. Bhd.
- Yatimah Sarmani dan Mohd Tajudin Ninggal (2011). *Teori Kaunseling Al Ghazali*. Selangor Darul Ehsan. PTS Islamika Sdn Bhd